



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 4 2022



ISI KANDUNGAN



- HARI SUKAN NEGARA - LEBIH 20,000 MERIAHKAN PUTRAJAYA 3

- PPJ, KRU STUDIOS JALIN KERJASAMA PENGOPERASIAN NIC 4



- SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA 2022 5

- PPJ TERIMA 5 ANUGERAH SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HABITATSEDUNIA 6



- KEJOHANAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI JADI ACARA TAHUNAN 9

- PUTRAJAYA KE ARAH BANDAR MAMPAN PINTAR KERJASAMA PPJ, PETRONAS 10



- PASUKAN DRAGON BOAT PPJ TERIMA TIGA ANUGERAH PIDBF 2022 11

- OPERASI BERSEPADU TUNDA KERETA TERSADAI 12



- HARI TERBUKA PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN 2022 13

- PPJ RAI 19 PEMENANG ECO STORIES WRITING CONTEST 2022 14

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)



**HARI
SUKAN
NEGARA**

Hari Sukan Negara - Lebih 20,000 Meriahkan Putrajaya

Lebih 20,000 peserta telah membanjiri Dataran Putrajaya sempena sambutan Hari Sukan Negara 2022 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Hari Sukan Negara kembali dianjurkan dengan skala besar selepas pasca COVID-19, menyaksikan sebanyak 56 acara dan aktiviti peringkat kebangsaan diadakan seperti program ikonik Hari Sukan Negara, iaitu neon ride, fun run, fun ride dan fun walk.

Selain daripada itu, aktiviti seni mempertahankan diri, 1000 Liga Peringkat Kebangsaan, Karnival Inspire Orang Kurang Upaya (OKU), jualan barangan sukan (bazar sukan), pameran jabatan dan agensi kerajaan turut dianjurkan.

Tahun lalu, Hari Sukan Negara disambut di seluruh negara secara hibrid susulan pandemik COVID-19 selepas Hari Sukan Negara 2020 terpaksa dibatalkan akibat penularan wabak tersebut.

Sebagai rekod, edisi pertama Hari Sukan Negara pada tahun 2015 telah menempa nama dalam Malaysia Book Of Records (MBOR) sebagai Penganjuran Aktiviti Sukan Terbanyak Secara Serentak dalam Satu Hari dengan jumlah 17,648 aktiviti sukan, berjaya menarik penyertaan keseluruhan lebih lima juta orang.

Bagi penganjuran tahun ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyasarkan penyertaan sebanyak 4.5 juta di seluruh negara.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, KBS akan terus berusaha sebaik mungkin untuk menjadikan aktiviti sukan sebagai budaya dalam masyarakat di Malaysia. Malah, beliau turut menzahirkan kesyukuran selepas KBS diberi peruntukan RM977,543 juta menerusi pembentangan Bajet 2023.

Usaha tersebut bukan sahaja untuk mencapai matlamat Malaysia sebagai sebuah 'Negara Sukan', tetapi mampu menjana impak positif termasuk peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur, perniagaan dan pelbagai lagi.

KBS yakin inisiatif yang dibentangkan adalah manifestasi keprihatinan dan usaha berterusan terhadap tindakan yang dimulakan oleh KBS sepanjang tahun 2022. Ia pasti akan membantu pembangunan belia dan sukan negara demi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Ahmad Faizal turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terbabit bagi menjayakan Hari Sukan Negara 2022 termasuk sumbangan dan pemerhatian serius daripada pihak kerajaan pada majlis perasmian Hari Sukan Negara 2022.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ti Lian Ker.

PPj, KRU Studios Jalin Kerjasama Pengoperasian NIC



Perbadanan Putrajaya (PPj) memeterai perjanjian bersama KRU Studios Sdn Bhd sebagai rakan kerjasama bagi pengoperasian Pusat Penghayatan Alam (NIC) Taman Wetland bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, jalinan kerjasama strategik ini bertujuan menggalakkan pelaburan sektor pelancongan dengan pendekatan teknologi terkini bagi mengadakan pusat pameran interaktif yang lebih kreatif selaras dengan perubahan teknologi semasa pada Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Perbadanan Putrajaya Bersama KRU Studios Sdn Bhd.

Turut hadir, Setiausaha PPj, Kamal Azira Hassan; Naib Presiden Landskap PPj, LAr. Abd Aziz Buang; Naib Presiden Kewangan PPj, Suhaila Eleas; Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh; Ahli Lembaga Pengarah KRU Studios Sdn Bhd, Datuk Yusry Abdul Halim dan Naib Presiden Operasi KRU Studios Sdn Bhd, Zarina Abdul Rahman.

Keutamaan yang diberikan adalah kepada pengisian yang boleh menjana hasil khususnya bagi warga tempatan melalui sektor pelancongan sekali gus menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan negara dan antarabangsa dan bukan hanya tertumpu kepada kunjungan pelawat semata-mata,

PPj bersama KRU Studios akan memperluaskan skop kandungan yang disediakan bertemakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan spesies-spesies hidupan dari era prasejarah sehingga kini dengan penekanan khususnya kepada fungsi dan peranan wetland air tawar sebagai salah satu sumber utama biodiversiti alam di Putrajaya.

Kepelbagaian tarikan baharu yang bakal dibangunkan merangkumi pameran kreatif dan interaktif berbentuk digital dan fizikal seperti animatronics. Selaras dengan 'creative-content' terkini, bangunan NIC (Nature Interpretation Centre) Taman Wetland Putrajaya kini dijenamakan sebagai Wetland Studios Putrajaya.

Wetland Studios Putrajaya ditutup buat sementara waktu bagi membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan dan naik taraf dijalankan. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan April 2023.

Bagi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KRU Studios Sdn Bhd, Datuk Norman Abdul Halim, peluang yang diberikan oleh PPj bagi pengoperasian NIC Taman Wetland, Putrajaya bagai pucuk dicita, ulam mendatang. Wetland Studios Putrajaya bukanlah sekadar taman tema untuk bersuka-ria semata-mata tetapi berkonsepkan 'edutainment' yang menonjolkan peranan Taman Wetland Putrajaya serta flora dan faunanya kepada masyarakat setempat.

Berpacukan teknologi terkini, KRU Studios akan menyediakan pelbagai jenis aset dalam bentuk animatronics dan kandungan kreatif dalam bentuk audio dan visual dalam penghasilan kesan khas visual dan animasi.

Zan Orangutan akan dijadikan sebagai maskot Wetland Studios Putrajaya. Zan Orangutan merupakan watak utama daripada filem animasi terbitan bersama di antara KRU International, Astro Shaw dan Ray Productions dan Suzhou VSO China Network Technology, Co Ltd yang akan dikeluarkan ke lebih 100 negara pada tahun 2023.



Sambutan Hari Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya 2022



Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) 2022 telah diadakan dengan penuh protokol dan istiadat di mana perbarisan kawalan kehormat yang melibatkan seramai 60 Anggota dan 3 pegawai.

Majlis perbarisan pada kali ini menyaksikan pegawai Penguat Kuasa Inspektor Kanan Abdul Samad Bin Haji Sulaiman dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Terpuji yang dikhaskan kepada beliau yang bakal bersara pada 31 Mac 2023. Manakala 7 anggota penguat kuasa dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Setia dan Pingat Perkhidmatan Penguat Kuasa sebagai tanda penghargaan pihak Perbadanan kepada anggota yang telah berkhidmat melebihi 10 dan 20 tahun.

Majlis juga turut menyaksikan Ketua Pengarah Penyiaran, YBhg. Dato' Haji Che Roslan Bin Che Daud mengetuai senarai penerima Lencana Kehormat Kemahiran

Berkuda dengan diikuti oleh 5 penerima lain yang terdiri dari Naib-Naib Presiden PPj dan juga Pengarah-Pengarah PPj.

Presiden PPj menyeru agar Bahagian Penguatkuasa PPj terus merancang dan melaksanakan aktiviti dan program samada di peringkat dalaman mahupun luaran yang menjurus kepada meningkatkan kecemerlangan dan mutu perkhidmatan di samping mempertahankan imej Penguatkuasa dan PPj.



PERBADANAN PUTRAJAYA TERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS BANDAR MAMPAN 2022

Perbadanan Putrajaya telah dianugerahkan dengan Anugerah Penghargaan Khas Bandar Mampan 2022 di Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan bertempat di Hotel Marriot Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya telah memperoleh skor 96.61 peratus Indeks Kemampanan Bandar melalui Program MURNInets 2.0. Dengan penganugerahan khas ini menunjukkan Putrajaya konsisten dalam kategori Mampan dan komited melaksanakan program MURNInets sejak tahun 2012 dan sentiasa melaksanakan program kemampanan di pelbagai peringkat.



PPj Terima 5 Anugerah Sempena Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022



Perbadanan Putrajaya telah merangkul Anugerah National Scroll Honour Award For Human Settlements 2022 bersempena dengan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2022 Peringkat Malaysia dengan tema pada tahun ini, "Mind The Gap, Leave No One and Place Behind".

Anugerah ini merupakan satu bentuk penganugerahan peringkat kebangsaan kepada individu atau organisasi yang telah menyumbang kepada pembangunan penempatan manusia seperti menambah baik kualiti kehidupan di bandar atau memperjuangkan hak mereka yang tidak mempunyai rumah (homeless). Pada tahun ini, pencalonan anugerah adalah dibuka kepada individu atau organisasi yang telah berjaya memberi impak kepada pembangunan kawasan persekitaran tempat tinggal serta menjadi sebagai penggerak dalam menangani krisis dan juga merancang masa depan bandar yang inklusif, berdaya tahan dan hijau.



TEMPAT PERTAMA ANUGERAH NATIONAL SCROLL HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022 KEBUN KOMUNITI PRESINT 16

KK16 telah melibatkan kesemua golongan masyarakat daripada golongan pesara, OKU, pelajar sekolah dan komuniti Putrajaya dalam menggiatkan aktiviti kebun bandar serta bertepatan dengan kriteria-kriteria yang digariskan bagi penyertaan anugerah ini antaranya kemampanan, kelestarian, berinovasi dan memberi impak kepada komuniti.

Aktiviti kebun ini telah membantu dalam pengisian aktiviti warga komuniti Putrajaya semasa penularan pandemik Covid-19 dan seterusnya dapat menjana pendapatan sampingan melalui hasil kebun yang diperolehi daripada kebun ini. Selain itu, projek KK16 juga membantu dalam pemeliharaan habitat dan pengekalan spesies serangga lain termasuk kelulut, burung, pepatung, rama-rama dan serangga lain yang menyumbang kepada pembelajaran untuk para pelajar sekolah dan tadika. KK16 juga merupakan tempat terapi alam bagi golongan kurang upaya dalam merangsang tindak balas lima (5) pancaindera bagi golongan pekak, bisu, buta dan sindrom down di mana KK16 sering mendapat kunjungan daripada Persatuan Orang Kupaya Putrajaya.

Dalam pada itu, kaedah penanaman di KK16 juga menggunakan bahan-bahan yang telah dikitar semula serta mesra alam seperti menggantikan penggunaan batang

pokok sebagai sarang kelulut kepada kotak kayu bagi pembiakan kelulut dan penggunaan sistem solar bagi penanaman hidroponik. Pembajaan tanaman juga turut menggunakan konsep baja kompos di mana sampah sarap kebun dikumpulkan semula bagi penghasilan baja. Kelangsungan aktiviti di KK16 juga turut menyambung kepada pemarkahan kerana warga kebun sentiasa bergerak aktif dalam membangunkan kawasan kebun agar terus membawa manfaat kepada komuniti Putrajaya.

SAGUHATI ANUGERAH NATIONAL SCROLL HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022 BAGI TUITION MISSION PUTRAJAYA

Program Tuition Mission B40 Putrajaya 2022 merupakan program anjuran PPj dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP). Program ini telah dianjurkan pada tahun 2021 dan 2022 dan diadakan secara percuma mensasarkan para pelajar daripada isi rumah golongan B40 ini bertujuan memberi akses kepada anak-anak B40 di Putrajaya untuk mendapat kemudahan pendidikan yang baik. Di samping itu, obektif program ini adalah bagi meningkatkan potensi diri para peserta ke arah kecemerlangan yang holistik.

Pada tahun 2021, program ini telah mendapat penyertaan menggalakkan dan seramai 95.8% telah layak menerima sijil SPM. Bagi tahun 2022, seramai 105 pelajar dari sembilan sekolah-sekolah menengah di Putrajaya telah menyertai program ini. Para pelajar dibantu oleh seramai 20 barisan tenaga pengajar yang terdiri daripada guru berpengalaman merangkumi empat subjek teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

Kelas Tuition Mission B40 Putrajaya dilaksanakan secara fizikal bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 9, 11, 16 dan juga di Kompleks Perbadanan Putrajaya mengikut kumpulan yang ditentukan. Kelas dijadualkan setiap hujung minggu bermula pada 30 Julai sehingga 18 Disember 2022.

SAGUHATI ANUGERAH NATIONAL SCROLL HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022 BAGI OUR COMMUNITY OUR SHOWCASE PUTRAJAYA

Our Community Our Showcase bermatlamat untuk memperkenalkan, mengumpul, mempromosi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh Komuniti Putrajaya serta membuka ruang kepada komuniti untuk menjana pendapatan pasca Covid-19. Di samping itu, program ini juga seiring dengan matlamat Blueprint Masyarakat Sejahtera (BMS) Putrajaya 2018-2022 dalam memacu pembangunan yang inklusif dan mampan, memperkasakan ekonomi dan taraf hidup warga Putrajaya.

Program ini telah berlangsung sejak 11 Jun 2022 yang lalu dan diadakan pada setiap dua (2) minggu pada hari Sabtu dan Ahad dari jam 7.30 pagi hingga 3.00 petang. Sebanyak 20 gerai telah disediakan pada para usahawan Putrajaya memaparkan jualan dan pameran produk komuniti.

Antara produk komuniti yang dipaparkan adalah jualan hasil tanaman pelbagai spesis tanaman etno botani Kebun Komuniti Putrajaya yang terdiri daripada sayur-sayuran, buah-buahan, produk hiliran Kerepek Bayam *Brazil Crispy* dan jualan kraf.

PEMENANG SAGUHATI ANUGERAH NATIONAL SCROLL HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022 BAGI PROGRAM FAT TO FIT PUTRAJAYA

Program Fat To Fit @ Putrajaya telah dilaksanakan dari tahun 2020, 2021 dan 2022. Terdapat lebih kurang 150 peserta yang menyertai program ini. Program dilaksanakan secara fizikal pada tahun 2020 dan 2022 serta secara online. Berdasarkan kepada kajian Mobiliti dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) 2015, terdapat 37% penduduk Putrajaya mempunyai berat badan berlebihan dan 43% pada kadar obesiti.

Pelaksanaan program Fat To Fit @ Putrajaya dijadikan model dan penanda atas oleh Pihak Berkuasa bagi melaksanakan program kesihatan kerana program ini telah berjaya menurunkan berat badan dan meningkatkan tahap kesihatan komuniti dan warga kerja Putrajaya selama tiga (3) tahun berturut-turut. Di samping itu, ia berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan komuniti walaupun ketika Putrajaya dilanda Wabak Covid-19 pada tahun 2021.

SAGUHATI ANUGERAH NATIONAL SCROLL HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022 BAGI PUTRAJAYA CITY TRAIL PUTRAJAYA

Projek *Putrajaya City Trail (PCT)* telah dibangunkan pada tahun 2013 yang merupakan projek NKEA Greater KL & Klang Valley Vitalizing Putrajaya. Kawasan Putrajaya City Trail adalah seluas 7.8 hektar dan mempunyai laluan pejalan kaki dan basikal sepanjang 5.8 kilometer bermula di Jeti Cruise Tasik Putrajaya dan melalui tempat-tempat seperti Kompleks Beli-belah Alamanda di Presint 1, Kompleks Pejabat Kerajaan, hotel dan kawasan perumahan Presint 16, Putrajaya.

Program dan aktiviti dilaksanakan di kawasan *Putrajaya City Trail* bagi menggalakkan pengunjung, pelawat dan pelancong untuk datang berekreasi dan menjalankan aktiviti yang sihat di kawasan ini. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Senamrobik Komuniti, Sesi Latihan Silat Gayong, *Fun Walk@ City Trail Putrajaya*, *Fun Ride@Rediscovering Putrajaya City Trail*. Pertandingan Memancing, *Bird Watch* dan *Putrajaya Bird Race* dan *Rediscovering Putrajaya City Trail*.



Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Jadi Acara Tahunan



Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Kanjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) yang julung kali diadakan bakal dijadikan sebagai acara tahunan ekoran sambutan menggalakkan yang diterima pada penganjurannya baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, biarpun ia merupakan kali pertama PPj menganjurkan kejohanan berkaitan seni mempertahankan diri namun ia berjaya mencatatkan penyertaan sehingga 200 peserta pada majlis penamat Kejohanan Seni Mempertahankan Diri yang diadakan di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya.

Dengan yang demikian, PPj memutuskan untuk menganjurkannya secara berterusan setiap tahun selain ia merupakan aktiviti yang sihat buat komuniti Putrajaya. Fadlun berkata antara anjuran kejohan diadakan adalah bagi mempromosikan seni bela diri kepada masyarakat umum dan komuniti Putrajaya selain mempromosikan fasiliti sukan sedia ada di Putrajaya.

Ia juga dapat mencungkil bakat baharu serta memperluaskan jaringan hubungan dan Kerjasama diantara PPj, persatuan sukan dan komuniti,' ujar beliau menjelaskan ia juga

memberi peluang dan ruang kepada anggota penguatkuasa untuk menimba pengalaman berkaitan sukan bela diri.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari bermula 15 Oktober sehingga 16 Oktober 2022 adalah bersempena Hari Penguatkuasa PPj 2022 yang diadakan pada setiap bulan Oktober.

Kejohanan ini melibatkan tiga seni mempertahankan diri yang popular di Malaysia iaitu silat olahraga, taekwando, dan Muaythai yang mana peserta dibahagikan kepada 60 peninju Muaythai, 60 pesilat olahraga dan 80 peserta taekwando dari pelbagai kelab di Putrajaya serta Lembah Klang.

Kemuncak kejohanan, perlawanan antara 10 jaguh profesional Muay Thai merebut Piala Presiden diadakan secara one-off mengikut format Mix Match International Federation Muaythai Association (IFMA) manakala kejohanan silat olahraga dan taekwando pula dipertandingkan mengikut format carta persatuan masing-masing.



Putrajaya Ke Arah Bandar Mampan Pintar Kerjasama PPj, Petronas



Perbadanan Putrajaya & PETRONAS Global Technical Solutions Sdn. Bhd. menandatangani Memorandum Persafahaman (MoU) dalam usaha sama kolaboratif membangunkan Hab Inovasi Bandar Mampan Pintar Putrajaya (*Putrajaya Smart Sustainable City Innovation Hub*) bagi meningkatkan inovasi usahawan tempatan di bawah Bandar Pintar Putrajaya.

Dokumen persefahaman ditandatangani oleh Presiden PPj, YBhg Dato' TPr Fadlun Bin Mak Ujud dan Puan Annaliz Binti Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd. Majlis tandatangan disaksikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar.

Hab Inovasi Bandar Pintar Putrajaya Beroperasi Tahun 2023

Penubuhan Hab Inovasi Bandar Mampan Pintar Putrajaya bakal memulakan operasi awal pada tahun 2023.

Menurut Presiden Perbadanan PPj, Dato. TPr Fadlun Mak Ujud, PPj menyediakan Bangunan Chancery Place di Presint 15 yang akan memfokuskan kepada bidang Infrastuktur dan Bangunan, Mobiliti, Alam Sekitar, Keselamatan, Warga Digital serta Pembangunan Kepimpinan dan Keupayaan.

PPj menyediakan ruang kira-kira 2,500 meter persegi untuk pakar-pakar tempatan menjalankan kajian dan penyelidikan bagi menghasilkan inovasi tempatan untuk keperluan PPj sebelum diperkenal kepada bandar-bandar lain di Malaysia.

Hab ini juga akan membawa rangkaian Kerjasama dalam inovasi tempatan untuk penyelesaian bandar pintar serta mewujudkan peluang ekonomi.

Mengenai insentif yang dapat menarik minat syarikat pemula dan syarikat berasaskan teknologi untuk membuka pejabat dan makmal teknologi di Putrajaya pula, Presiden menyatakan kemudahan yang disediakan adalah ruang kerja membolehkan mereka menjalankan penyelidikan di situ serta menjadikan Putrajaya 'test bed'.

Selain daripada itu, PPj akan memberikan insentif kepada syarikat terpilih sekiranya teknologi yang diperkenalkan itu Berjaya dilaksanakan di Putrajaya. Sebagai contoh syarikat pemula (*Startup*) mereka bentuk dan membangunkan projek lampu pintar (smart lighting) yang bermula dengan 200 batang lampu dengan kos RM200 ribu.

Di Putrajaya, terdapat 15,000 tiang lampu yang boleh menerima konsep ini untuk keseluruhan lampu itu dengan kos kira-kira RM15 juta. Jadi insentif adalah berupa kos penjimatan hasil daripada teknologi yang digunakan. Jadi kos penjimatan boleh gunakan untuk dikongsi sekaligus ia menjadi rakan kongsi niaga.

PETRONAS melalui anak syarikatnya, PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd (PGTSSB) akan menaja kos penyelidikan dalam menghasilkan produk inovatif di hab tersebut selain turut mempunyai ramai penyelidik yang akan bersama-sama dengan PPj dan juga berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara bagi memasarkan produk pintar ini termasuklah syarikat swasta atau agensi kerajaan yang berminat.

Melalui penubuhan hab tersebut, PPj menetapkan Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 15 produk pintar yang melibatkan kos keseluruhan hampir RM220 juta.



PPj Terima Kunjungan UMP



Perbadanan Putrajaya (PPj) menerima kunjungan hormat dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI), Universiti Malaysia Pahang (UMP), barubaru ini.

Delegasi kunjungan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Prof Datuk Ts Dr Yuserrie Zainuddin bertujuan mendapatkan taklimat berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan Taman Wetland dan Tasik Putrajaya.

Pertemuan yang berlangsung lebih kurang tiga jam itu turut membawa delegasi ke Empangan Putrajaya bagi melihat sendiri tahap kualiti dan kebersihan di Tasik Putrajaya yang merupakan tasik buatan manusia berkeluasan 650 hektar.

Selain itu, mereka juga berpeluang mengunjungi Kebun Kelulut Presint 15 serta menikmati rasa madu kelulut yang diusahakan komuniti setempat.

Terdahulu, barisan delegasi turut disertai Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UMP, Prof Ts Dr Kamal Zuhairi Zamli dan diiringi pegawai-pegawai kanan.



Pasukan Dragon Boat PPj Rangkul Tiga Anugerah PIDBF 2022

Perbadanan Putrajaya Dragon Boat (PPjDB) merupakan antara pasukan yang menyerlah apabila berjaya merangkul 3 anugerah dalam penganjuran Festival Perahu Naga Antarabangsi Pulau Pinang (PIDBF) 2022.

Menurut jurulatih pasukan PPjDB, Mohd Azli Ariffin, kemenangan pasukan PPjDB dalam PIDBF 2022 adalah berkat daripada kerja keras, usaha dan disiplin yang tinggi dipamerkan oleh semua pemain.

Pasukan PPjDB berjaya membawa pulang tiga anugerah iaitu *2nd Runner Up International Premier Open*, *5th Runner Up International Premier Women* dan *5th Runner Up International Premier Mixed*.

Untuk menjuarai sesuatu pertandingan, para pemain perlu sentiasa berusaha meningkatkan prestasi serta memperbaharui rekod peribadi secara optimum tidak kira dalam apa jua sukan sekalipun.



Operasi Bersepadu Tunda Kereta Tersadai



Sebanyak 31 buah kenderaan buruk dan tersadai di kawasan blok-blok kuarters di Putrajaya telah ditarik menerusi operasi bersepadu yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

Menurut Pengarah Penguatkuasa PPj, Mohd Ali Jusoh, operasi selama tiga hari tersebut melibatkan kuarters di Presint 14 (Fasa 12 dan 14), Presint 15 (Fasa 12B dan 15) serta Presint 9 (Fasa 8). Kesemua pemilik kenderaan yang tersadai diberi notis sebanyak tiga kali daripada BPH untuk mengosongkan kawasan parkir.

Sebelumnya ada lebih 60 buah kenderaan yang dikenal pasti tapi selepas BPH menghantar notis kepada pemilik, ada yang sudah mengalihkan kenderaan tersebut. Penarikan 31 buah kenderaan diselesaikan dalam masa 3 hari.

Kesemua kenderaan yang ditarik, dibawa ke depoh simpanan di Presint 20 dan selepas itu pemilik kereta yang ingin membuat tuntutan perlu berurusan dengan PPj dengan menjelaskan caj kompaun, kos tunda serta kos simpanan.

Tindakan penarikan kereta ini dibuat susulan dari aduan-aduan yang diterima daripada penghuni kuarters mengenai kewujudan kenderaan yang terbiar dan sudah tidak lagi digunakan di tempat letak

kereta dan kawasan kejiranan. Tempoh selama 6 bulan telah diberikan kepada pemilik yang ingin membuat tuntutan ke atas kenderaan yang ditarik dan disimpan di depoh simpanan.

Sebelum ini PPj hanya memberi tempoh 3 bulan sahaja tapi sekarang dipanjangkan kepada 6 bulan untuk mana-mana pemilik buat tuntutan.

Untuk tahun 2021 ada lebih 100 kenderaan tersadai yang ditarik dengan 60 buah daripadanya dilupus secara 'scrap' kerana tidak dituntut. Tidak kira kereta tersebut masih elok atau tidak selepas lebih enam bulan akan dilupuskan.

Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan bukan sahaja bertujuan untuk mendidik penghuni kuarters tetapi sebagai pengajaran supaya menggunakan kemudahan sedia ada dengan sewajarnya.



Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan 2022



Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) yang telah diadakan dari 10 hingga 11 Disember 2022 di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya bermula jam 9 pagi hingga 5 petang dimeriahkan dengan kehadiran lebih dari 1,000 pengunjung.

Pelbagai aktiviti menarik disusun sebagai pengisian program yang terbuka kepada semua peringkat umur serta melibatkan penglibatan golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Antara aktiviti menarik yang telah disusun sebagai pengisian antaranya Pertandingan Domino Braille (OKU & Terbuka), Pertandingan Karom (OKU & Terbuka), Pertandingan Jumanji, Program Senam Tari Bersama Warga Emas, Pertandingan Mewarna & Mencipta Poster, Pertandingan Mereka Bentuk Blok, Program Kidtopia Craf & Workshop Activities, Kaunter Khidmat Pelanggan, Ekspo Jualan Buku & Pameran, Persembahan Maskot Didi & Friends, Teka Silang Kata, Teka Muka Surat Buku dan lain-lain program.

Menurut Penolong Pengarah Kanan PPK, PPj, Nornie Masiha Ab Manan, sambutan untuk tahun ke-16 kali ini lebih bermakna setelah dua tahun tidak dapat dianjurkan ekoran pandemic COVID-19.

Objektif utama penganjuran Hari Terbuka PPK ini diadakan bagi mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik diantara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan.

Program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan yang

disediakan dan mempromosikan lagi PPK bagi menarik lebih ramai komuniti menjadi ahli dengan pengisian program serta pertandingan berbentuk Pendidikan.

Hari Terbuka PPK merupakan aktiviti kemuncak yang dianjurkan oleh Seksyen Pusat Pembelajaran Kejiranan, Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj pada setiap tahun.

Sesi penyampaian hadiah untuk Pertandingan Perpustakaan Keluarga, Pertandingan Deko Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan Anugerah Ahli Aktif Tahunan 2022 turut diadakan pada 11 Disember 2022.



PPj Rai 19 Pemenang Eco Stories Writing Contest 2022



Perbadanan Putrajaya (PPj) meraikan 19 peserta yang dinobatkan sebagai pemenang bagi Program Eco Stories Writing Contest 2022 di Dewan Armada, Marina Putrajaya.

Menurut Naib Presiden Jabatan Perancangan Bandar PPj, Shamsul Bahrin Rahmat, PPj berkolaborasi Bersama Youth Environment Living Labs (YELL), United Nations Development Programme (UNDP) dan United Nations Children's Fund (UNICEF) dalam menganjurkan program yang bertujuan mendidik pelajar sekolah menengah agar peka terhadap isu dan kesan perubahan iklim di persekitaran.

YELL telah diperkenalkan pada tahun 2020 yang merupakan platform untuk melatih golongan belia dalam aspek perubahan iklim serta pemeliharaan alam sekitar selaras dengan skop tumpuan ketujuh Bandar Hijau Putrajaya khasnya dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran generasi muda terhadap isu perubahan iklim.

Generasi muda merupakan 'agent of change' yang penting dalam menyokong Putrajaya kearah sebuah bandar hijau rendah karbon. Program seperti ini perlu untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar khususnya dalam pemeliharaan alam sekitar.

Seramai 44 pelajar daripada 9 buah sekolah menengah telah menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut, 19 orang peserta telah diumumkan sebagai pemenang berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Para pelajar telah diberi bimbingan untuk menghasilkan 'eco stories' melalui dua kaedah iaitu secara 'photo essay' dan 'video essay' disamping satu sesi bengkel dan dua sesi tutorial dalam talian secara percuma pada Oktober 2022.

Untuk kategori 'photo essay', peserta diminta membuat penulisan ringkas terhadap kepada 500 patah perkataan disertakan gambar atau lukisan (illustration) manakala untuk 'video essay' pula peserta perlu meekod video tidak melebihi empat minit disertai dengan teks penerangan ringkas video yang tidak melebihi daripada 150 patah perkataan.

Sebanyak 37 penyertaan 'eco stories' telah diterima oleh PPj. Hasil pertandingan ini juga dinilai dari aspek-aspek seperti 'relevance, quality, creativity, identity dan diversity'. Penyertaan adalah percuma.

Juara pertandingan merupakan wang tunai sebanyak RM500, naib juara RM400 dan tempat ke-3, RM300 manakala RM100 untuk hadiah saguhati bersama dengan sijil pertandingan bagi setiap pemenang.

PPj turut berharap jalinan kolaborasi ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi menyokong hasrat kerajaan dalam mengekalkan Putrajaya sebagai sebuah bandar hijau rendah karbon.